



KERAJAAN MALAYSIA

Anggaran Perbelanjaan Sementara Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN**PB. 1.5 Anggaran Perbelanjaan Sementara Kerajaan Persekutuan Tahun 2023**

1. Tujuan	1
2. Latar Belakang.....	1
3. Anggaran Perbelanjaan Mengurus (OE) Sementara 2023	2
4. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (DE) Sementara 2023	4
5. Unjuran Keperluan Aliran Tunai.....	6
6. Pengurusan Perolehan	6
7. Tarikh Kuatkuasa	7
8. Pegawai Rujukan	7
LAMPIRAN	8

1. Tujuan

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan sejumlah RM245,070,536,550 telah diluluskan di bawah Anggaran Perbelanjaan Sementara Tahun 2023 untuk dibelanjakan oleh Kementerian/ Jabatan/ Badan Berkanun Persekutuan/ Syarikat Kerajaan. Anggaran perbelanjaan sementara ini melibatkan sejumlah RM189,111,323,350 bagi Perbelanjaan Mengurus dan sejumlah RM55,959,213,200 bagi Perbelanjaan Pembangunan.

2. Latar Belakang

- 2.1 Belanjawan 2023 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 7 Oktober 2022 dengan anggaran keseluruhan peruntukan berjumlah RM372.3 bilion. Berikutan pembubaran Parlimen pada 10 Oktober 2022, Rang Undang-Undang Perbekalan 2023 (RUU Perbekalan 2023) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 yang dibentangkan tidak sempat dibahaskan dan diluluskan. Oleh kerana Parlimen hanya bersidang semula selepas Kerajaan baharu dibentuk, maka RUU Perbekalan 2023 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 tidak sempat diluluskan pada tahun 2022.
- 2.2 Perkara 104 (1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh diambil daripada Kumpulan Wang Disatukan (KWD) melainkan jika wang itu (i) dipertanggungjawabkan pada KWD; (ii) dibenarkan dikeluarkan melalui Akta Perbekalan; dan (iii) dibenarkan untuk dikeluarkan di bawah Perkara 102 Perlembagaan Persekutuan.
- 2.3 Memandangkan Akta Perbekalan 2023 tidak sempat diluluskan di Parlimen, maka bagi membolehkan Kerajaan untuk membiayai perbelanjaan pada tahun 2023, RUU Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 menurut Perkara 102 (a) Perlembagaan Persekutuan dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sementara 2023 di bawah subseksyen 4(5) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*] perlu dibentangkan di Parlimen sebelum tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.
- 2.4 RUU Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sementara 2023 telah dibentangkan dan diluluskan di Parlimen pada sesi Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ke-15 yang bermula pada 19 Disember 2022 dan 20 Disember 2022 di Dewan Rakyat dan 21 Disember 2022 di Dewan Negara.

- 2.5 Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 [Akta A1678] dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sementara 2023 berkuatkuasa mulai 1 Januari 2023 sehingga RUU Perbekalan 2023 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 diluluskan di Parlimen. Peruntukan bagi Maksud Bekalan dan Pembangunan untuk Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan/Syarikat Kerajaan telah disediakan bagi tempoh sehingga enam (6) bulan pertama tahun 2023 (melalui Waran Am Bil.1 2023) sementara menunggu RUU Perbekalan 2023 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 diluluskan (Waran Am Bil. 2 akan dikeluarkan). Walau bagaimanapun, peruntukan untuk Maksud Tanggungan (T) telah disediakan sepenuhnya untuk tempoh dua belas (12) bulan bagi tahun 2023 mengambil kira perbelanjaan ini dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan menurut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.
- 2.6 Vot Bekalan dan Pembangunan di bawah Anggaran Perbelanjaan Sementara Kerajaan Persekutuan Tahun 2023 telah disusun mengikut struktur baharu Kementerian/Jabatan sebagaimana yang diputuskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 7 Disember 2022. Vot Bekalan dan Pembangunan berdasarkan struktur baharu ini berkuatkuasa pada 1 Januari 2023.

3. Anggaran Perbelanjaan Mengurus (OE) Sementara 2023

- 3.1 Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 [A1678] bagi maksud Perbelanjaan di bawah Vot Bekalan (B) telah diluluskan dan diwartakan pada 30 Disember 2022. Melalui Akta ini, Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan/Syarikat Kerajaan dibenarkan untuk membiayai perbelanjaan bekalan bagi tempoh 6 bulan pertama 2023.
- 3.2 Kebenaran telah diberi melalui Waran Am Bil. 1 Tahun 2023 bertarikh 30 Disember 2022 mengikut subseksyen 13 (2) dan 13 (3) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi pengeluaran wang sebanyak RM189,111,323,350 daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan seperti yang berikut:
- 3.2.1 sejumlah RM81,392,646,700 sebagai wang yang dikehendaki untuk perbelanjaan yang dipertanggungkan ke atas Kumpulan Wang Disatukan; dan
- 3.2.2 sejumlah RM107,718,676,650 sebagai wang yang dikehendaki untuk perbelanjaan yang diluluskan di bawah Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 [A1678]. Senarai Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti di **Lampiran A**.

- 3.3 Di bawah Perbelanjaan Bekalan, perbelanjaan di bawah Dasar Sedia Ada (DSA) boleh dilaksanakan di bawah perbelanjaan masuk akaun sekiranya ia adalah **mustahak**, **penting** dan **wajar** untuk memastikan kelangsungan penyampaian perkhidmatan Kerajaan bagi tempoh 6 bulan pertama 2023. Antara contoh perbelanjaan pengoperasian yang mustahak adalah seperti yang berikut:
- 3.3.1 gaji/emolumen;
 - 3.3.2 bayaran utiliti;
 - 3.3.3 sewaan ruang pejabat;
 - 3.3.4 bayaran khidmat hutang;
 - 3.3.5 bayaran item kontraktual; dan
 - 3.3.6 komitmen pembayaran di bawah AP58(a)
- 3.4 Kementerian/Jabatan boleh melaksanakan perbelanjaan operasi yang boleh ditafsirkan sebagai mustahak bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat selain daripada contoh perbelanjaan DSA seperti di perenggan 3.3.1 hingga 3.3.6 di atas, tertakluk bahawa sekiranya perbelanjaan operasi berkenaan tidak dilaksanakan oleh kementerian/jabatan, ianya akan menjejaskan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan, memudaratkan kesihatan rakyat, mewujudkan risiko ancaman keselamatan kepada rakyat dan negara, memberi imej negatif kepada Kerajaan di peringkat domestik dan antarabangsa serta menjejaskan kebajikan dan kesejahteraan rakyat.
- 3.5 Bagi Perbelanjaan Bekalan yang melibatkan inisiatif-inisiatif baharu yang diumumkan dalam Ucapan Belanjawan 2023 pada 7 Oktober 2022 yang lalu, inisiatif tersebut hendaklah ditangguhkan pelaksanaannya terlebih dahulu untuk dikaji semula oleh Kerajaan sebelum Belanjawan 2023 dibentangkan semula pada bulan Februari 2023 kelak. Hanya inisiatif-inisiatif tertentu sahaja dibenarkan untuk dilaksanakan bermula Januari 2023 seperti berikut:
- 3.5.1 Bayaran Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) tambahan khas sebanyak RM100 untuk penjawat awam Gred 56 dan ke bawah;
 - 3.5.2 Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 kepada anggota perkhidmatan awam Gred 56 ke bawah berjumlah RM700 dan RM350 bagi pesara Kerajaan;
 - 3.5.3 Meneruskan bayaran Bantuan Awal Persekolahan (BAP); dan
 - 3.5.4 Menyambung kontrak lantikan Personel MySTEP dengan penetapan kenaikan kadar upah sebanyak RM100 selaras dengan Perintah Gaji Minimum tahun 2022.

- 3.6 Penyaluran peruntukan yang diluluskan di bawah Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 kepada Badan Berkanun Persekutuan/Syarikat Kerajaan dibuat secara suku tahunan oleh kementerian.
- 3.7 Anggaran Perbelanjaan Bekalan akan dibentangkan semula melalui RUU Perbekalan 2023 di Parlimen pada bulan Februari 2023. Sebaik sahaja Akta Perbekalan 2023 berkuatkuasa, Menteri Kewangan akan mengeluarkan Waran Am Bil. 2 bagi membenarkan perbelanjaan dibuat sehingga 31 Disember 2023. Dalam tempoh sebelum Waran Am Bil. 2 ini dikeluarkan, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa perbelanjaan di bawah setiap maksud tidak melebihi amaun yang diperuntukkan bagi maksud dalam Jadual kepada Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022.
- 3.8 Pegawai Pengawal dibenarkan untuk membuat pindah peruntukan seperti mana ketetapan di bawah PB 2.6 – Pindah Peruntukan Perbelanjaan Mengurus. Pindah peruntukan yang dibuat adalah bagi menampung sebarang perbelanjaan operasi mustahak yang tidak mencukupi sementara menunggu Waran Am Bil. 2 dikeluarkan oleh Menteri Kewangan.
- 3.9 Sekiranya terdapat keperluan peruntukan tambahan perbelanjaan bekalan oleh kementerian sebelum Waran Am Bil. 2 dikeluarkan, ianya hanya boleh dipertimbangkan oleh Kementerian Kewangan setelah Akta Perbekalan 2023 diluluskan.

4. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (DE) Sementara 2023

- 4.1 Kebenaran telah diberi melalui Waran Am Bil. 1 Tahun 2023 bertarikh 20 Disember 2022 mengikut Seksyen 8 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*] bagi pengeluaran wang berjumlah RM55,959,213,200 daripada Kumpulan Wang Pembangunan yang dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan bagi Butiran di bawah Maksud yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sementara 2023.
- 4.2 Perbelanjaan Pembangunan bagi membiayai projek/perbelanjaan segera dan mustahak yang melibatkan perbelanjaan komitmen sedia ada terutama bagi projek-projek sambungan boleh dibuat di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sementara 2023.
- 4.3 Bagi projek-projek Fizikal Baharu di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 yang tidak sempat diluluskan berikutan pembubaran Parlimen pada 10 Oktober 2022, pelaksanaan projek-projek ini akan ditangguhkan terlebih dahulu untuk dikaji semula

oleh Kerajaan sebelum Belanjawan 2023 dibentangkan semula pada bulan Februari 2023 kelak.

- 4.4 Penyaluran peruntukan yang diluluskan di dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sementara 2023 kepada Badan Berkanun Persekutuan/Syarikat Kerajaan dibuat secara suku tahun oleh kementerian.
- 4.5 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan akan dibentangkan semula melalui Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 di Parlimen pada bulan Februari 2023. Sebaik sahaja Usul ini diluluskan di Dewan Rakyat, Menteri Kewangan akan mengeluarkan Waran Am Bil. 2 bagi membenarkan perbelanjaan dibuat sehingga 31 Disember 2023. Dalam tempoh sebelum Waran Am Bil. 2 ini dikeluarkan, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa perbelanjaan di bawah Maksud Pembangunan tidak melebihi daripada jumlah yang telah diluluskan seperti di senarai Maksud Pembangunan yang terlibat di **Lampiran B**.
- 4.6 Semua permohonan Notis Perubahan (NOC) bagi pewujudan semula projek dan projek baharu (D7), pembatalan projek dan perubahan siling projek (D8, kecuali pelarasan kos) tidak dibenarkan sehingga Belanjawan 2023 keseluruhan diluluskan oleh Parlimen. Oleh yang demikian, Pegawai Pengawal tidak dibenarkan untuk membuat pindah peruntukan seperti mana ketetapan di bawah PB 2.5 – Pindah Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan.
- 4.7 Sistem MyProjek memaparkan kelulusan projek RP3 2023-2024 RMKe-12 mengikut kelulusan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sementara 2023. Berikutan itu, sebarang permohonan Notis Perubahan (NOC) kecuali pelarasan kos melalui Sistem MyProjek **ditutup** sehingga Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 diluluskan oleh Parlimen.
- 4.8 Sekiranya terdapat keperluan peruntukan tambahan pembangunan oleh kementerian sebelum Waran Am Bil. 2 dikeluarkan, ianya hanya boleh dipertimbangkan oleh Kementerian Kewangan setelah Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 diluluskan.
- 4.9 Bagi program/projek yang diluluskan di bawah peruntukan pembangunan secara pinjaman, ianya perlu dikemukakan kepada Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan selepas diperakukan oleh Pegawai Pengawal Kementerian/Jabatan masing-masing. Tatacara permohonan untuk membelanjakan peruntukan pinjaman ini adalah selaras dengan PA 1.1 – Peraturan bagi Membelanjakan Peruntukan Pinjaman di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan.

5. Unjuran Keperluan Aliran Tunai

- 5.1 Kementerian perlu mengemukakan unjuran keperluan aliran tunai bagi perbelanjaan di bawah Tanggungan (T), Bekalan (B) dan Pembangunan (P) **bagi tempoh 6 bulan** selaras dengan Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 dan Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*] Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sementara 2023.
- 5.2 Unjuran keperluan aliran tunai hendaklah dikemukakan ke Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan sebelum atau pada **15 Januari 2023**.

6. Pengurusan Perolehan

- 6.1. Pegawai Pengawal perlu memastikan kementerian dan semua jabatan/agensi di bawah kawal selia menyediakan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) bagi tahun 2023, mematuhi jadual pelaksanaan PPT secara teratur, cekap serta berkesan bagi mengelakkan aktiviti perbelanjaan saat akhir di hujung tahun. Penyediaan PPT 2023 bagi sesuatu perolehan hendaklah mengambil kira nilai perolehan keseluruhan bagi sesuatu kontrak/nilai tahun berkenaan.
- 6.2. Dasar sosioekonomi yang berkuat kuasa seperti Dasar Bahan, Barangan dan Perkhidmatan Tempatan, Dasar Keutamaan Kepada Syarikat Bumiputera, Program Kolaborasi Industri (ICP), Perolehan Hijau Kerajaan dan Program *PROTEGE-Ready To Work* serta penawaran akses pasaran perolehan kepada negara anggota di bawah Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (*Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership – CPTPP*) perlu dipatuhi.
- 6.3. Perolehan perlu dilaksanakan berdasarkan peraturan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa. Bagi perolehan yang dilaksanakan melalui Sistem ePerolehan, Kementerian/Jabatan bertanggungjawab untuk menentukan nilai perolehan dan ikatan kontrak yang bersesuaian sama ada secara bermasa atau bukan bermasa berdasarkan anggaran peruntukan yang diluluskan bagi memastikan proses bayaran adalah teratur.
- 6.4. Bagi perolehan yang melibatkan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan sementara 2023, pengeluaran Pesanan Kerajaan melalui Sistem ePerolehan hendaklah berdasarkan anggaran perbelanjaan sementara yang diluluskan.

7. Tarikh Kuatkuasa

- 7.1 Pekeliling ini disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2023 dan tertakluk kepada pindaan serta keputusan semasa Kerajaan.

8. Pegawai Rujukan

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Pejabat Belanjawan Negara
Aras 6, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Persiaran Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
(u.p.: Pengarah Belanjawan Negara)

LAMPIRAN A**Senarai Maksud Tanggungan dan Bekalan**

Maksud	Kementerian/Jabatan	Peruntukan (RM)
T.1	Peruntukan Diraja Bagi S.P.B. Yang Di-Pertuan Agong	13,533,000
T.2	Elaun-Elaun Diraja	1,337,000
T.3	Ketua Hakim Negara, Hakim Besar dan Hakim	115,000,000
T.4	Ketua Audit Negara	900,400
T.5	Yang Di-Pertua Dewan Rakyat	564,000
T.6	Yang Di-Pertua Dewan Negara	504,000
T.7	Suruhanjaya Pilihan Raya	2,465,300
T.8	Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan	11,600
T.9	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	6,291,600
T.10	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	5,254,500
T.11	Suruhanjaya Pasukan Polis	2,132,200
T.12	Perbendaharaan	6,644,653,100
T.13	Perbelanjaan Kerana Hutang Negara	46,100,000,000
T.14	Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran	28,500,000,000
Jumlah Keseluruhan Tanggungan		81,392,646,700

Maksud	Kementerian/Jabatan	Peruntukan (RM)
B.1	Parlimen	83,365,600
B.2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	1,802,350
B.3	Jabatan Audit Negara	80,418,750
B.4	Suruhanjaya Pilihan Raya	32,771,650
B.5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	21,190,100
B.6	Jabatan Perdana Menteri	2,169,205,150
B.7	Jabatan Perkhidmatan Awam	235,750,800
B.8	Jabatan Peguam Negara	99,171,550
B.9	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	156,207,800
B.10	Perbendaharaan	2,100,000,000
B.11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	28,118,860,750
B.12	Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	1,096,537,250
B.13	Kementerian Luar Negeri	404,806,900
B.14	Kementerian Perpaduan Negara	270,797,650
B.15	Kementerian Ekonomi	265,488,150
B.20	Kementerian Perlindungan dan Komoditi	120,500,000
B.21	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	2,382,552,500
B.22	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	1,808,183,850

Maksud	Kementerian/Jabatan	Peruntukan (RM)
B.23	Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	837,347,200
B.24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	312,548,250
B.25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup	845,905,700
B.26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	106,070,700
B.27	Kementerian Kerja Raya	432,635,950
B.28	Kementerian Pengangkutan	772,313,650
B.30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	336,750,600
B.31	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	418,587,800
B.40	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	10,571,200
B.42	Kementerian Kesihatan	17,050,000,000
B.43	Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan	887,452,750
B.45	Kementerian Belia dan Sukan	310,549,150
B.46	Kementerian Sumber Manusia	422,581,950
B.47	Kementerian Komunikasi dan Digital	495,724,550
B.48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	1,598,480,450
B.60	Kementerian Pertahanan	5,707,045,950

Maksud	Kementerian/Jabatan	Peruntukan (RM)
B.62	Kementerian Dalam Negeri	6,901,500,000
B.63	Kementerian Pendidikan	24,975,000,000
B.64	Kementerian Pendidikan Tinggi	5,850,000,000
	Jumlah Bekalan	107,718,676,650
Jumlah Keseluruhan Tanggungan + Bekalan		189,111,323,350

LAMPIRAN B**Senarai Maksud Pembangunan**

Maksud	Kementerian/Jabatan	Anggaran Perbelanjaan		
		Langsung (RM)	Pinjaman (RM)	Jumlah (RM)
P.6	Jabatan Perdana Menteri	3,664,293,350	25,000,000	3,689,293,350
P.7	Jabatan Perkhidmatan Awam	501,675,000		501,675,000
P.10	Perbendaharaan	21,548,516,850		21,548,516,850
P.13	Kementerian Luar Negeri	54,510,150		54,510,150
P.14	Kementerian Perpaduan Negara	14,773,100		14,773,100
P.15	Kementerian Ekonomi	1,796,198,400	80,000,000	1,876,198,400
P.20	Kementerian Perladangan dan Komoditi	102,448,500	25,000,000	127,448,500
P.21	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	658,096,150	82,000,000	740,096,150
P.22	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	3,561,306,300	29,200,000	3,590,506,300
P.23	Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	1,918,431,000	385,733,850	2,304,164,850
P.24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	455,475,000	10,750,000	466,225,000
P.25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup	28,100,000		28,100,000
P.26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	228,105,250		228,105,250
P.27	Kementerian Kerja Raya	3,208,264,100	50,000,000	3,258,264,100
P.28	Kementerian Pengangkutan	2,245,324,750		2,245,324,750
P.30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	204,991,400		204,991,400
P.31	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	55,745,550		55,745,550
P.42	Kementerian Kesihatan	2,269,338,600		2,269,338,600
P.43	Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan	1,608,631,700		1,608,631,700
P.45	Kementerian Belia dan Sukan	175,752,350		175,752,350

Maksud	Kementerian/Jabatan	Anggaran Perbelanjaan		
		Langsung (RM)	Pinjaman (RM)	Jumlah (RM)
P.46	Kementerian Sumber Manusia	236,742,800		236,742,800
P.47	Kementerian Komunikasi dan Digital	863,455,500		863,455,500
P.48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	92,343,800		92,343,800
P.60	Kementerian Pertahanan	2,958,538,650		2,958,538,650
P.62	Kementerian Dalam Negeri	2,662,482,300		2,662,482,300
P.63	Kementerian Pendidikan	2,573,021,150		2,573,021,150
P.64	Kementerian Pendidikan Tinggi	1,584,967,650		1,584,967,650
Jumlah		55,271,529,350	687,683,850	55,959,213,200